

RABU • 01.04.2015

UTUSAN KOTA



Penduduk gesa kaji semula dua projek di ibu negara

7 kampung Melayu lenyap?

Oleh **NORMAIRAH JAMALUDDIN**
kota@utusangroup.com.

■ KUALA LUMPUR 31 MAC

PROJEK pembinaan Lebuhraya Duta-Ulu Klang (Duke 2) dan kolam pencegahan banjir Sungai Nadi Kehidupan (RoL) di Kampung Puah di sini, perlu dikaji semula kerana didakwa mengancam kewujudan tanah rizab Melayu di ibu negara.

Penduduk mendakwa, dua projek mega tersebut bakal 'melenyapkan' tujuh kampung Melayu iaitu Kampung Sungai Mulia, Kampung Banda Dalam, Kampung Padang Balang, Kampung Sungai Merali, Kampung Puah, Kampung Puah Seberang dan Kampung Tambahan.

Sehubungan itu, mereka mem-

ISU
RAKYAT



inta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta syarikat konsesi lebuhraya itu menghentikan kedua-dua projek tersebut supaya warisan orang Melayu di Kuala Lumpur dapat dipertahankan.

Seorang penduduk di Kampung Puah Seberang, **Ahmad Daud Mohd. Ali**, 63, berkata, sebelum ini kerajaan memberi jaminan bahawa kampung-kampung tersebut dikekalkan sebagai tanah rizab Melayu dan akan dinaik taraf menjadi penempatan kampung yang lebih tersusun.

"Malangnya, kami dipaksa berpindah ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Wahyu dan Ke-

pong dengan bayaran pampasan yang begitu rendah untuk projek pencegahan banjir itu.

"Selain itu, pampasan sebanyak RM15,000 akan diberi kepada mereka yang enggan menerima unit rumah di PPR," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, **Abu Bakar Mahat**, 63, berkata, tindakan DBKL yang menjalankan projek tersebut tanpa mengambil kira pandangan penduduk adalah tidak wajar.

"Kita tidak menghalang sebarang bentuk pembangunan namun pihak terlibat perlu memikirkan nasib penduduk yang telah lama menetap di sini.

"Selain pampasan yang diberi



MOHD. FUAD AZLAN

sangat kecil, kami pula dipaksa tinggal di PPR. Suasana kampung yang kami nikmati sekarang sudah pasti tiada lagi jika pembangunan diteruskan," ujarnya yang tinggal di Kampung Puah Seberang sejak 30 tahun lalu.

Seorang lagi penduduk, **Mohd. Fuad Azlan**, 37, berkata, nasib orang Melayu akan terabai jika pembangunan dijalankan tanpa memikirkan masa depan mereka.

"Penduduk yang rata-rata orang Melayu diminta keluar dari tanah mereka dan lama-kelamaan tanah warisan Melayu akan lenyap akibat pembangunan," katanya.



AHMAD DAUD MOHD. ALI menunjukkan sebuah rumah yang telah ditanda untuk dirobohkan bagi projek DBKL.



PEMANDANGAN di Kampung Puah Seberang yang didakwa penduduk bakal terancam ekoran pelaksanaan dua projek di kawasan tersebut.



BEBERAPA penduduk memegang kain rentang yang meminta tanah rizab Melayu dipertahankan di Kampung Puah Seberang, Kuala Lumpur baru-baru ini. - UTUSAN/ MOHD. FARIZWAN HASBULLAH